




UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Pusat  
Penerbitan  
Universiti (UPENA)



# Jurnal **SKRIN** Malaysia

VOLUME 4 • 2007 • ISSN 1823-1020

Filem di Malaysia perlukan falsafah?

Historical representation in *Gandhi* and *Sardar*

European art cinema narrative

Pengisian budaya dalam filem Melayu

On *Gol & Gincu*

Qualitative audience analysis research

## Pengisian Budaya dalam Filem Melayu

---

*Makalah ini mewacanakan tentang persoalan pengisian budaya dalam filem-filem Melayu. Sesungguhnya, peranan karyawan filem dalam melahirkan filem-filem yang bersifat nasional menjadi kompleks kerana penghasilan sesebuah filem itu berkait rapat dengan pasaran, seni dan masyarakat. Karyawan filem digesa agar menyumbang budaya positif sejarah dengan Kebudayaan Nasional sebagai panduan bagi pengisian budaya dalam karya filem mereka agar dapat membantu melahirkan generasi masyarakat Malaysia yang berilmu dan beupaya untuk membangunkan Malaysia. Makalah ini cuba meneliti persoalan-persoalan ini dengan membincangkan kedudukan dan hubungan budaya dengan filem Melayu serta cabaran-cabaran yang mengiringinya dan dibahaskan dalam rangka interaksi dan juga kontradiksi antara tiga sisi, iaitu masyarakat, seni dan kuasa pasaran.*

### Pengenalan

Masyarakat berbudaya di Malaysia telah lama wujud tetapi masih belum pada tingkat budaya besar. Hal demikian terpancar dalam kehidupan seharian masyarakat Malaysia dan juga terpancar dalam filem-filem Malaysia. Ia seakan-akan membayangkan kepada kita bahawa budaya yang ditonjolkan dalam filem-filem Melayu itu tidak sejarah dengan cita-cita negara ke arah budaya besar. Sedar akan rakyat Malaysia masih belum memperlihatkan imej kenegaraan dan identiti bangsa yang padu, maka negara telah merangka *Rukunegara* yang menggariskan citra masyarakat Malaysia dengan mendukung cita-cita mencapai perpaduan masyarakat yang lebih erat dan dalam konteks yang lebih besar pula mendukung cita-cita negara bagi menjadi sebuah negara maju dalam acuan sendiri, yang bertamadun tinggi pada tahun 2020.

Karyawan filem seharusnya terpanggil untuk menyumbangkan budaya positif dengan Kebudayaan Nasional sebagai panduan bagi pengisian budaya dalam karya filem mereka agar dapat membantu

melahirkan generasi masyarakat Malaysia yang berilmu dan berkeupayaan membangunkan Malaysia. Kebudayaan kebangsaan yang telah ditetapkan oleh negara itu berlandaskan tiga prinsip utama iaitu berteraskan kebudayaan rakyat asal rantau ini, unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar boleh diterima, dan Islam menjadi unsur yang penting perlu dipertimbangkan bagi membantu negara membentuk masyarakat berperadaban tinggi. Filem nasional atau filem kebangsaan akan dapat diwujudkan jika penerapan ciri-ciri kebudayaan kebangsaan dalam filem-filem tempatan disokong oleh para karyawan filem. Hasil dari itu akan akhirnya membawa kepada penjelmaan filem nasional atau filem kebangsaan. Walau bagaimanapun ianya tidak menolak penghasilan filem masyarakat Malaysia. Peranan karyawan filem dalam melahirkan filem nasional mungkin menjadi amat kompleks kerana keputusan bagi menghasilkan sesuatu filem itu amat terikat dengan persoalan-persoalan yang berkait rapat dengan pasaran, seni, dan masyarakat. Bagaimanakah caranya para karyawan filem dapat mengintegrasikan antara budaya, kebudayaan kebangsaan, dan memenuhi aspirasi wawasan 2020? Makalah ini mencuba mewacanakan persoalan-persoalan di atas dengan menunjukkan kedudukan dan hubungan budaya dengan filem Melayu serta cabaran-cabaran yang mengiringinya dan dibahaskan dalam rangka interaksi dan juga kontradiksi antara tiga sisi, iaitu masyarakat, seni, dan kuasa pasaran.

## **Kebudayaan dan Kebudayaan Nasional**

Kebudayaan dan masyarakat itu mempunyai hubungan yang amat rapat. Kedua-duanya tidak boleh dipisahkan kerana jika tiada masyarakat maka tidak akan wujudnya budaya, kerana kebudayaan itu pada keseluruhan adalah cara hidup manusia. Terdapat pelbagai pentakrifan tentang kebudayaan. Kebudayaan itu sering dilihat dalam empat bidang utama iaitu, pemikiran (idea), kebendaan, kesenian, serta nilai dan norma. Menurut Storey (1997) terdapat tiga pengertian kebudayaan. Definisi pertama menyatakan bahawa budaya itu secara amnya adalah sebagai proses berkenaan perkembangan intelektual, kerohanian, dan keindahan. Dari definisi ini bolehlah dinilaikan kebudayaan itu menekankan hal-hal yang berkaitan dengan penghasilan produk dan karya seni yang indah dan para intelektual pula yang menghasilkan karya-karya seni kesusasteraan.

Manakala definisi kedua pula, menceritakan tentang cara kehidupan yang khusus, sama ada manusia, satu masa atau waktu atau kumpulan.

Pengertian kedua ini menggambarkan satu cara kehidupan yang tertentu, sama ada sesuatu manusia, satu waktu atau ketika atau kumpulan atau kelompok. Definisi ketiga pula kebudayaan boleh digunakan untuk merujuk kepada kerja-kerja dan latihan keintelektualan dan terutamanya aktiviti kesenian atau *artistic*. Dalam perkataan lain naskhah-naskhah dan latihan-latihan yang fungsi utamanya adalah untuk menandakan, untuk menghasilkan dan sebagai satu kesempatan bagi menghasilkan makna.

Malaysia merupakan sebuah negara majmuk. Masyarakatnya terdiri dari tiga kaum terbesar iaitu Melayu, Cina, India, dan lain-lain etnik, bebas mengamalkan budaya mereka masing-masing. Walaupun Malaysia sebuah negara pluralistik tetapi ia lebih menggalakkan ciri-ciri budaya universal yang boleh diterima seluruh masyarakatnya demi perpaduan negara. Hal ini terlihat di dalam mukadimah *Rukunegara* yang menggariskan citra masyarakat dan kebudayaan Malaysia dengan mendukung cita-cita hendak mencapai perpaduan yang lebih erat di kalangan seluruh masyarakatnya; memelihara satu cara hidup demokratik; mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama; menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai corak; membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden, tentunya satu lagi batu loncatan ke arah peradaban tinggi dan yang demikian kebudayaan tinggi.

Dalam konteks yang lebih besar, wadah yang sama juga terpancar dalam *wawasan 2020*. Kegusaran masyarakat Malaysia semakin luas jurang di antara kaum, mendorong mantan Perdana Menteri Dr. Mahathir Mohammad menggariskan matlamat utama *wawasan 2020* untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang maju sepenuhnya dalam acuannya sendiri pada tahun 2020. Kepentingan perpaduan rakyat terlihat dalam cabaran yang pertama *wawasan 2020* iaitu membentuk sebuah negara bangsa yang bersatu padu serta menyanjung masa hadapan yang dikongsi bersama, terintegrasi wilayah-wilayah dan kelompok etniknya, menikmati kehidupan bersama yang sepenuhnya berdasarkan persamaan hak dan keadilan, membentuk sebuah bangsa Malaysia dengan rasa taat dan pengabadian yang tidak berbelah bagi terhadap negara (Mahathir Mohammad, 1991).

Dalam hal ini negara ingin menegaskan pembaharuan semula identiti nasional itu penting dan tidak boleh di kesampingkan, maka telah mulai ada tuntutan supaya kegiatan kesenian berteraskan kebudayaan nasional diperhebatkan kembali. Penyusunan strategi yang kukuh perlu ada dengan

mempertingkat isi yang berilmu dan bentuk yang berestetika yang sesuai dengan wawasan kebangsaan. Jika ini berjaya dijalankan, maka tahap ‘budaya pinggiran’ akan menjadi ‘budaya popular’ dan seterusnya berkembang menjadi budaya tinggi (Aziz Deraman, 2000). Budaya tinggi itulah adalah salah satu petunjuk kemajuan peradaban manusia dalam dunia milenium ketiga.

Pengalaman sejarah kehidupan dan perbalahan kaum menunjukkan bahawa rakyat di negara ini belum lagi ada ciri perpaduan yang kental, kebudayaan sukuan masih amat kuat diamalkan. Walaupun identiti kaum dibenarkan, penentuan keperibadian dan identiti mampu membezakan antara kebudayaan suku dan kebudayaan kebangsaan. Kebudayaan kesukuan adalah pengalaman tradisi budaya suku kaum dan kumpulan rakyat di Malaysia, contohnya, orang Cina, India, Iban, Murut, Bajau, Kadazandusun, Melanau dan suku asli yang pastinya akan terus hidup, tetapi kebudayaan kebangsaan adalah kebudayaan yang wujud melalui proses tertentu penerimaan unsur yang paling sesuai yang ada dan mencerminkan identiti Malaysia berteraskan kebudayaan rakyat asal rantau ini yang melangkaui kebudayaan sukuan serta menunjukkan unsur kebangsaan Malaysia serta semangat dan nilai positif di kalangan seluruh rakyat (Aziz Deraman, 2000).

Pembentukan kebudayaan kebangsaan telah dibahaskan semasa Kongres Kebudayaan Kebangsaan yang telah diadakan pada Ogos 1971. Dalam kongres ini tiga prinsip utama telah ditetapkan dan diterima kerajaan sebagai dasar kebudayaan negara ini, iaitu: Kebudayaan Kebangsaan Malaysia itu hendaklah berteraskan kepada kebudayaan rakyat asal rantau ini; unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar boleh diterima menjadi unsur Kebudayaan Kebangsaan, dan Islam menjadi unsur yang penting dalam pembentukan Kebudayaan Kebangsaan. Walaupun pembentukan Kebudayaan Kebangsaan telah tersedia lebih awal iaitu sejak tarikh kemerdekaan lagi, tetapi kesedaran terhadapnya mula dirasai hanya selepas meletusnya tragedi berdarah pada 13 Mei, 1969.

Kebudayaan Kebangsaan atau Kebudayaan Nasional berteraskan tiga prinsip tadi, memang mampu berkembang dan dibentuk untuk diterima oleh rakyat serta mampu mencetuskan perpaduan di kalangan masyarakat Malaysia. Ini adalah kerana kebudayaan yang wujud bukan budaya kesukuan atau kaum tetapi kebudayaan rakyat negara ini. Oleh kerana kebudayaan rakyat asal ini telah berkembang zaman berzaman adalah wajar ianya menjadi tunjang Kebudayaan Nasional. Selain itu sejarah telah membuktikan bahawa kaum lain seperti orang Cina di Melaka

dengan budaya Baba Nyonyanya sama seperti budaya Melayu dengan mudahnya dapat menyesuaikan diri dalam masyarakat tempatan.

## **Filem Melayu**

Perkembangan filem Melayu bermula dengan kemuncak kegemilangan filem Melayu semasa zaman seniman agung Tan Sri P.Ramlee di sekitar tahun 50-an, kemudian menempuh zaman malap dan kini filem Melayu di Malaysia secara relatifnya bangun kembali setelah penubuhan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional atau FINAS apabila industri hiburan negara diberi perhatian oleh kerajaan, setelah didesak untuk memasukkan ke dalam kategori industri yang memerlukan perhatian. Sejarah perkembangan filem Melayu memang amat panjang, namun penghasilan filemnya masih di tahap lama lagi kecuali beberapa filem yang ditangani oleh U-Wei Haji Saari, Erma Fatimah, dan Adman Salleh. Kalau ditinjau rata-rata filem di Malaysia masih dalam kategori filem masyarakat Malaysia, yang memfokuskan kepada satu-satu kaum sahaja, khususnya Melayu.

Seperti pentingnya Sastera Nasional atau Sastera Kebangsaan dalam pembinaan tamadun bangsa Malaysia, media filem perlu mengambil langkah bagi mengangkat filem Melayu kepada filem nasional atau Kebangsaan. Setelah 48 tahun Malaysia mencapai kemerdekaan para karyawan perlu dengan lebih serius memikirkan dan menghasilkan filem nasional ini sebagai sumbangan menyediakan masyarakat Malaysia yang lebih berketrampilan dalam negara maju tahun 2020. Mungkin dalam dunia yang tanpa sempadan ini penghasilan filem nasional dilihat sebagai sudah tidak relevan lagi, ciri-ciri universal dengan bahasa dunia bahasa Inggeris itulah yang perlu diberi perhatian. Namun sama seperti pembinaan dan pengembangan bahasa, budaya dan sastera nasional, filem nasional juga adalah komponen yang bersepada dalam agenda nasional untuk menyuntik unsur *intangible* dalam proses transformasi pembinaan bangsa dan pemodenan budaya di Malaysia (Abdul Rahman, 1995). Komponen unsur *intangible* sesuatu bangsa itu mampu berperanan sebagai penyatu bagi pembinaan kesedaran kolektif, membentuk bangsa dan mencorak destininya. Budaya amat penting bagi sesuatu bangsa untuk meningkatkan martabatnya dalam komuniti bangsa-bangsa yang merdeka di dunia.

Bagaimanakah rupa dan isi filem yang dikategorikan sebagai filem nasional? Dapatkah ianya mewakili keseluruhan rakyat Malaysia?

Bolehkah ia diiktiraf sebagai filem nasional Malaysia di sinema dunia? Ciri utama dalam penghasilan filem nasional ini mestilah mempunyai nilai sepunya masyarakat Malaysia. Pertama isi kandungan atau tumpuan filem nasional itu mestilah berkait dengan cita-cita patriotisme dan nasionalisme Malaysia. Ianya perlu mengambil kira sejarah, kepelbagaiannya yang wujud dalam masyarakat kini serta cabaran-cabaran baru muncul dalam dunia yang semakin global sifatnya. Selain itu filem nasional perlu memperjuangkan nilai-nilai yang baik seperti keadilan dan perpaduan kaum serta mengkritik rasuah, kepalsuan, dan kebejatan akhlak.

Ciri kedua filem nasional, karyanya mestilah menggambarkan kehidupan masyarakat negara ini tanpa menumpu kepada satu kumpulan etnik sahaja, tetapi sebaliknya harus merangkumi kebanyakannya ataupun semua kelompok etnik yang membentuk bangsa Malaysia. Sekiranya sesuatu karya itu mengenai satu kaum sahaja, maka pengarah harus sentiasa mengambil ingatan akan masyarakat nasional yang lebih luas, harus mempunyai kesedaran tentang kewujudan masyarakat besar tersebut yang perlu dibayangkan setidak-tidaknya secara simbolik. Tidak kurang pentingnya ialah keperluan supaya karya-karya tersebut bebas daripada stereotaip rasis. Dengan perkataan lain filem nasional perlu mempunyai segala nilai yang baik yang boleh membantu mengukuhkan imej subjektif nasional, membantu mengembangkan kesedaran kolektif, serta perasaan sebagai sebahagian daripada komuniti nasional yang besar, yang mempunyai arah yang bersama. Semangat begitu selaras dengan usaha pembinaan bangsa Malaysia dan selaras dengan konsep kemanusiaan yang progresif secara umum.

Wahana penyampaian filem nasional adalah bahasa. Bahasa dalam hal yang berkait dengan filem nasional Malaysia adalah bahasa kebangsaan iaitu bahasa Melayu. Pembinaan filem nasional hari ini sudah nampak tanda yang positif dengan kehadiran filem-filem tajaan kerajaan seperti *Embun*. Walau bagaimanapun, pendirian bahawa bahasa yang perlu digunakan adalah bahasa kebangsaan, dengan isi kandungannya yang bersifat nasional dan progresif. Tidaklah menyebabkan kita mengenepikan peranan bahasa-bahasa lain dan filem-filem yang dinukil dalam bahasa lain seperti Cina, Tamil, Inggeris, atau bahasa-bahasa etnik lain menggambarkan sifat kepelbagaiannya masyarakat. Walaupun pengarah filem boleh berkarya dengan bahasa yang mereka paling mahir, tetapi mereka perlu berkarya secara langsung dalam bahasa kebangsaan dan kegagalan mereka menguasai bahasa kebangsaan tidak boleh menjadi batu penghalang kepada usaha pembinaan filem nasional dalam bahasa kebangsaan. Filem nasional dalam Bahasa Kebangsaan, yang mempunyai

isi kandungan yang bersifat nasional dan progresif kerana ia adalah salah satu prinsip pentakrif pembinaan bangsa dan identiti nasional. Filem nasional seharusnya mendorong dan mengembangkan lambang-lambang pemersatu, serta berfungsi sebagai penyalur dan pembina peradaban Malaysia yang moden.

## Rumusan

Sejak kebelakangan ini terdapat banyak filem-filem yang termasuk dalam kategori jutaan ringgit hasil kutipannya. Prestasi filem-filem ini dalam pasaran amat cemerlang. Oleh itu sumbangan pembikin filem tersebut dapat membantu ekonomi negara. Walau bagaimanapun bukan aspek pasaran dan pulangan yang lumayan sahaja yang seharusnya diberi perhatian. Filem itu akan menjadi tempang kalau hanya memikirkan bagaimana mahu menjualnya, tetapi tidak memikirkan apa yang mahu dijual dalam filem itu. Seharusnya yang diukur kecemerlangannya bukan kepada jumlah kutipannya tetapi nilai intelektual dan budaya ilmunya untuk khalayak. Keghairahan menilai filem melalui ukuran perniagaan membuat kita terlupa mengukur filem dari perspektif lain.

Ketidakimbangan antara kuasa pasaran dan nilai seni dalam filem-filem Melayu amat ketara sekali. Budaya yang perlu diisi dalam filem Melayu itu adalah budaya yang berkaitan dengan hal akal, fikiran, budi dan kebijaksanaan. Kebudayaan kebangsaan dengan tiga prinsip asasnya adalah penting tetapi yang paling penting adalah kebudayaan kebangsaan Malaysia itu hendaklah berteraskan kepada kebudayaan rakyat asal rantau ini. Kombinasi pengertian budaya dan prinsip kebudayaan kebangsaan adalah penting bagi dimasukkan ke dalam kerangka wawasan 2020.

Jika negara mahukan media filem memainkan peranan membentuk masyarakat yang memenuhi matlamat utama *wawasan 2020*, filem Melayu itu perlu satu anjakan paradigma. Perubahan yang dimaksudkan adalah dengan mengambil langkah dari sekarang bagi melahirkan filem nasional yang lebih besar dan lebih penting bagi pembinaan nasion dan memenuhi wawasan negara. Usaha ini adalah penting memandangkan pada suatu masa nanti kita akan berdepan dengan dilema untuk mengklaskan filem-filem yang dihasilkan. Yang lebih pasti adalah bagaimana untuk mengkategorikan antara filem nasional atau filem Malaysia. Perkara ini adalah perlu dilakukan kerana masa itu tidak statik ia berubah. Apabila masa itu berubah tafsiran mengenai filem juga akan turut berubah.

Dalam hal ini industri filem itu perlu ada pedoman bagi menentukan pengklasian filemnya. Dalam hal ini konsep kebudayaan nasional adalah pedoman yang tepat kerana kebudayaan nasional itu diletakkan dalam konteks sejarah dan geografi dalam satu gagasan dan kemudiannya diletakkan dalam wadah projek nasional yang lebih besar dan lebih tinggi yang disebut sebagai wawasan 2020, visi yang dicita-cita dan impikan negara. Bagaimanakah cara yang harus dijalankan bagi mengelompokkan filem kita yang mempunyai latar belakang tempatan tetapi tidak menggunakan bahasa kebangsaan dan tidak faham akan sensitiviti budaya tempatan. Contohnya adalah seperti filem-filem yang pernah dihasilkan pada zaman P. Ramlee yang diarahkan oleh pengarah India. Hasilnya filem itu tidak menjadi filem Melayu tulen kerana terdapat banyak ciri keIndiaannya. Agaknya bagaimanakah dapat dirungkaikan kekusutan ini. Kekusutan ini akan dapat diterokaikan jika para karyawan filem mula menunjukkan minat mereka untuk menghasilkan sebuah filem besar iaitu filem nasional bagi memenuhi aspirasi negara.

Dengan wujudnya filem nasional itu maka di sinema dunia, Malaysia boleh dikenali dengan ciri-ciri tempatan yang hanya unik bagi Malaysia. Seperti filem-filem Iran, di mana pun ditayangkan dunia tahu itu adalah filem nasional Iran. Masalahnya kini senario industri perfileman Malaysia kuat dihambat dengan penerbit dan pengarah yang dikuasai oleh pasaran dan audien yang rendah cita rasanya. Khalayak filem lebih menggemari cerita yang berunsurkan hiburan ringan semata. Manakala filem nasional itu dilihat sebagai sebuah genre yang lebih berat, yang lebih intelektual yang memerlukan khalayak berfikir. Jadi bagaimanakah permasalahan ini dapat dikekang dan siapakah yang boleh mencorak dan menentukan filem yang dihasilkan itu sebagai filem ringan atau filem berat. Siapakah yang perlu ke hadapan bagi menukar citra industri filem tempatan ini?

Dalam hal ini Ku Seman (2003) menerangkan bahawa berdasarkan teori Andre Bazin, pengarah itu adalah pengarang kepada filemnya. Maksudnya pengarah adalah pengkarya kepada beberapa pengkarya lain yang bergabung di bawah satu produksi filem. Pengarah itulah yang bertanggungjawab terhadap hal kreatif keseluruhan filemnya! Namun masyarakat harus memberikan sekalung bunga kepada pengarah kerana telah juga ada merubah identiti nasional. Walau bagaimana masyarakat harus empati dengan kepayahan tugas seorang pengarah kerana mereka bergelut dengan hambatan-hambatan kuasa pasaran, seni, dan masyarakat. Dalam dilema untuk membuat keputusan dalam menghasilkan sebuah filem, mereka harus memilih sama ada untuk tunduk

kepada kuasa pasaran, atau mengikut runtunan hati untuk berkreatif dan berinovasi, dan dapat mencetuskan minda masyarakat bagi memenuhi aspirasi negara.

Biarpun kekangan ini amat perit, tetapi pengarah itu adalah seperti malim bagi sebuah filem. Malim filem itu berperanan sebagai penyuluhan atau suluh masyarakat dan pemimpin masyarakat. Kalau pengarah gagal sebagai pemimpin dan tiada perubahan cita rasa khalayak, bolehlah diibaratkan yang para pengarah itu seperti mempunyai sifat ekorima atau *tailism*, iaitu tunduk kepada pasaran. Kalau mahu melihat filem yang bermutu dan memenuhi fungsi-fungsi filem, peningkatan ilmu pengetahuan di kalangan pengarah adalah penting. Ilmu pengetahuan dan apa sahaja di dunia ini perlu dituntut oleh para karyawan supaya dia boleh mencernakan segala ilmu yang ada dan boleh melahirkan filem yang dapat membantu mencetuskan pemikiran masyarakat bagi memenuhi wawasan negara. Ilmu yang dimaksudkan di sini bukan semata-mata ilmu yang dipelajari secara formal yang memerlukan menghadiri mananya institusi pengajian tinggi sahaja, ilmu di sini juga adalah perkara yang berkaitan mendapat ilmu secara informal. Ilmu formal itu penting tetapi jangan sampai ianya mengikat kita sehingga wujud fenomena *diploma disease* atau *credentialism*, yang menentukan hanya orang yang punya ijazah atau diploma sahaja yang boleh menjadi pengarah.

Tetapi walau apa pun situasinya para pengarah perlu memastikan mereka mempunyai budaya ilmu. Orang yang berbudaya ilmu itu selalunya seiring dengan budaya saintifik atau *scientific culture*, yang membawa maksud pemikiran seseorang itu objektif dan rasional. Manusia yang berilmu itu adalah manusia yang menggunakan segala deria, dan akalnya. Tentang peningkatan pendidikan ini amalan penyelidikan boleh ditransformasikan kepada budaya penyelidikan. Kepentingan budaya ilmu itu terpancar didalam cabaran yang keenam *wawasan 2020* tersebut, iaitu untuk “membentuk masyarakat yang bersifat sains, progresif, berbudaya cipta dan berpandangan jauh ke hadapan, sebuah masyarakat yang bukan sahaja dapat manfaatkan teknologi terkini, tetapi turut menjadi penyumbang terhadap pembentukan peradaban sains dan teknologi pada masa akan datang”. Bersifat saintifik, bermaksud segala pendapat berasaskan kenyataan yang tepat, empirikal, rasional dan logikal, bukan berasaskan desas desus, khabar angin, berita surat layang, dan ketahyulian. Mereka yang memiliki nilai saintifik, ialah mereka yang menghargai pencapaian sains dan teknologi.

Ideologi negara menyebutkan hal yang sama, iaitu menggariskan citra masyarakat dan kebudayaan Malaysia dengan mendukung cita-

cita hendak mencapai perpaduan yang lebih erat di kalangan seluruh masyarakatnya; memelihara satu cara hidup demokratik; mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama; menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai corak; membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden, tentunya satu lagi batu loncatan ke arah peradaban tinggi dan yang demikian kebudayaan tinggi.

Sehubungan itu karyawan dan seniman juga harus bertanggungjawab membantu untuk mencapai wawasan nasional ini. Oleh kerana itu maka karya seni yang dihasilkan mestilah tidak hanya mementingkan aspek-aspek luaran semata-mata, seperti keuntungan material yang hanya memfokuskan kepada hal-hal sensasi dan hiburan melampau sahaja, tetapi karya yang berupaya mencetuskan dinamisme baru untuk memenuhi tuntutan budaya kemodenan atau *culture of modernity* masa kini. Pengertian Ilmu pula pada peringkat awalnya menumpukan kepada pengertian yang berkaitan dengan sains. Perkembangan ilmu sains di Eropah sejak Abad Pertengahan telah memberikan harapan kepada kebudayaan barat bahawa ilmu sains itulah satu-satunya cabang ilmu pengetahuan dan falsafah. Oleh kerana orang-orang barat ini amat yakin bahawa ilmu sains itulah satu-satu cabang ilmu pengetahuan dan falsafah lalu telah mengenakan *rasionalisme* dan *empirisme* pada cara berfikir dan menyelidik kepada bidang ilmu yang lain seperti ilmu kemanusiaan dan kemasyarakatan. Pengaruh ilmu sains itu dalam pemikiran budaya barat amat mendalam, sehingga menjadikan sains itu sebagai nilai kehidupan utama bagi membimbing masyarakat barat ke arah kebenaran (Syed Naguib Al-Attas, 1997). Ilmu adalah suatu gerak daya dalaman diri manusia bagi memperolehi pengetahuan, dan ilmu itu pula bersifat saintifik dengan menekankan kepada perkara-perkara yang objektif dan rasional (Ziegfeld dalam Suhardjo Parto, 2000).

Dari definisi ‘budaya’ dan ‘ilmu’ tadi maka budaya ilmu itu membawa maksud budaya saintifik atau *scientific culture* ataupun sebagai pelakuan, tabiat, cara, dan pemikiran seseorang itu yang objektif dan rasional. Sudahkah agaknya industri hiburan kita kini memancarkan budaya ilmu dalam penghasilan filemnya? Adakah pengarah filemnya dan senimannya juga mengamalkan dan mempunyai pemikiran saintifik dan bagaimana pula dengan penggemarnya? Teknologi informasi menjadi salah satu petunjuk kemajuan peradaban dalam dunia milenium yang ketiga dan pada era ini kehidupan manusia banyak ditentukan dan

dipengaruhi oleh arus budaya yang berkaitan dengan perkara teknologi informasi seperti komputer, televisyen, video dan filem. Malaysia seperti negara membangun yang lain amat responsif terhadap bidang aplikasi teknologi informasi dan komunikasi seperti Koridor Raya Multimedia (MSC) (Mahathir Mohamad, 1991).

Melalui pembudayaan Ilmu, masyarakat barat telah mampu menghasilkan teknologi terkini yang canggih yang menghasilkan perkakasan berkaitan dengan filem yang bermutu tinggi. Namun, kalau dilihat karya filem yang dihasilkan dinegara kita sehingga kini nampaknya para karyawan filem kita masih belum mandiri dalam hal penggunaan teknologi. Seperti negara membangun yang lain masyarakat Malaysia masih berfungsi sebagai konsumen hasil perkembangan teknologi orang lain dan belum lagi menjadi penyumbang kepada teknologi. Menurut Robert Meinich, masyarakat yang bukan dari budaya yang mencipta teknologi, biasanya hanya mengambil kulit dan hal luaran teknologi daripada masyarakat yang menciptanya, bukan isi dalaman dan konsepnya, dan kerap salah memahami konsepnya sebenarnya (Naim Ahmad dalam FINAS, 1996).

Oleh kerana kita masih menjadi pengikut, lalu dalam dunia pembikinan filem tempatan pemilihan material untuk filem masih dipengaruhi oleh Hollywood. Pengaruhnya yang terlalu meluas sehingga tidak memberi ruang untuk lari dari pengaruh itu. Oleh itu penyimpangan kreatif dalam proses penciptaan filem langsung tidak ada. Secara antropologi menurut Faruk dalam Nur Shahid (2000) lagi suasana penciptaan filem yang sedemikian adalah kerana sesuatu masyarakat itu berkecenderungan berfikiran petani, iaitu berkecenderungan bertingkah laku berorientasikan tempoh masa kini. Oleh kerana itu, kita berkecenderungan pragmatis tanpa teori atau falsafah sebab ingin melihat keuntungan yang tampak sekarang. Dalam hal yang berkaitan dengan keagamaan mentaliti begini terjelma dalam gagasan mistik bukan roh (*spirit*), kandungan dan prinsip agama. Dalam hal birokrasi, pragmatisme membawaikan sikap untuk memperoleh yang mudah (yang bukan bermaksud kecekapan) kerana di dalamnya wujud pelanggaran terhadap prosedur yang berorientasikan masa depan. Manakala dalam aktiviti ekonomi pula akan melahirkan sistem yang disebut sebagai ekonomi *bazaar*, sistem yang memberi keutamaan pada keuntungan cepat.

Dengan memiliki pemikiran yang tidak ‘saintifik’, maka tidak menghairankan apabila para karyawan pencipta filem tidak mahu bersusah payah dengan berbagai-bagai bentuk inovasi kreatif. Menggusarkan lagi

hal ini khalayak juga enggan menonton filem yang menggunakan bahan cerita baru, yang menuntut khalayak lari dari cara yang telah terbiasa. Oleh sebab itu, filem yang dihasilkan itu tiada bezanya dari filem yang dihasilkan sebelumnya. Contohnya filem-filem tempatan masih meniru gaya filem P. Ramlee dan bukan menggunakan gaya itu untuk maju atau eksperimen. Seharusnya filem P. Ramlee dijadikan rujukan sebagai filem klasik. Bukan itu sahaja, dalam menghasilkan filem berkaitan dengan silat, kita terpengaruh dengan gaya silat Kung Fu filem Hong Kong. Dan kebanyakannya kelemahan dalam pembikinan filem kini adalah warisan dari bentuk dan corak pembuatan filem di zaman kegemilangan filem Melayu dahulu. Jika cara bekerja para karyawan masih tidak bebas, dan tetapi sebaliknya terikat dengan cara lama, maka tidaklah menghairankan jika filem jarang mempersoalkan perkara yang sudah terbiasa dan diterima umum yang dianggapnya sudah jelas kelihatan keuntungannya.

Dalam hal ini perbandingan boleh dilihat dengan filem Iran *Baran*. Cerita ini berlatarbelakangkan Iran, tetapi masalah yang disentuhnya ada persamaannya di sini. *Baran* menyentuh hal pendatang. Ini isu universal yang juga ada di Amerika dengan orang Mexico, orang Indonesia di Malaysia dan isu yang lebih besar yang disentuhnya, iaitu isu kemanusiaan, tentang eksploitasi manusia, pengaliran modal melintasi sempadan dengan mudah, tetapi bagi tenaga kerja akan mendatangkan masalah apabila mereka melintasi sempadan yang sama. Di Iran ada 1.5 juta pendatang Afghan, di Malaysia mempunyai pendatang Indonesia yang jauh lebih besar dari itu. Soalnya kenapa ia diperkaryakan di Iran tetapi tidak di Malaysia? Ini adalah kerana kurangnya amalan penyelidikan. Penyelidikan perlu dijadikan amalan yang kalau sudah sebatik akan menjadi budaya. Dalam hal ini seorang pelakon Iran pernah menyatakan kepada U-Wei Saari yang dia berpegang kepada prinsip “lagi local saya, lagi internationallah saya”.

Ketidakimbangan antara logika masyarakat, logika seni, dan logika pasaran tidak akan selesai kecuali timbulnya gelombang pemikiran baru. Gelombang pemikiran baru seharusnya datang dari para warga di Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Pendidikan perlu memastikan supaya kuasa pasaran itu tidak menentukan sepenuhnya sistem pendidikan, khususnya pendidikan kesenian, kerana selain daripada negara (*state*) menjadi patronnya, IPT juga harus memainkan peranannya sebagai patron seni pada peringkat institusi (lembaga). Peranan karyawan menjadi bererti sekiranya dalam menentukan jenis filem yang mahu diterbitkan berpandukan wawasan yang dapat menjuruterakan atau merekayasakan pemikiran para anggota masyarakat untuk mencapai tahap pemikiran

baharu. Menoleh ke belakang untuk memperoleh pengalaman itu wajar, tetapi itu bukan matlamatnya.

Karya seni yang sekadar berfungsi sebagai mangkin transformasi sosial tanpa estetika paling-paling dianggap karya propaganda, sementara karya seni yang amat berestetika tetapi isinya tidak berilmu (baca ‘budaya ilmu’) tidak lebih daripada perhiasan semata. Perlunya satu sintesis (*synthesis*) daripada kedua-duanya amat kritikal apalagi dwi-kontradiksi (seni dan masyarakat) kini mengembang menjadi tri-kontradiksi iaitu masyarakat, seni, dan kuasa pasaran. Melalui wacana ilmiah, maka ketidakimbangan antara tuntutan-tuntutan *seni*, *masyarakat*, dan *pasaran* dapat diselesaikan. Ertinya, melalui proses dialektika, iaitu kaedah yang menimbang gagasan-gagasan yang berlawanan itu dengan tujuan mencapai satu penyelesaian, maka kedua-dua *seni* dan *pasaran* dapat tertanam (*embedded*) kembali dalam masyarakat, seperti yang seharusnya dan tidak lagi berkepil-kepilan lagi. Sintesis demikian mampu dilaksanakan melalui wacana ilmiah.

## Rujukan

- Abdul Aziz Deraman (2000). *Tamadun Melayu dan pembinaan bangsa Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Rahman Embong (2000). *Negara bangsa: Proses dan perbahasan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ku Seman Ku Hussin (2003, 16 Februari). Filem sebagai perakam sosial. *Mingguan Malaysia*.
- Mahathir Mohammad (1991). *Malaysia melangkah kehadapan*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa & Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nur Sahid (Ed.). (2000). *Interkulturalisme (dalam) T.e.a.t.e.r*. Jogjakarta: Yayasan untuk Indonesia.
- Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) (1996). *Wajah baru filem Malaysia*. Hulu Kelang: Percetakan ASNI.

- Storey, J. (1993). *An introduction to cultural theory and popular culture*. London: Prentice Hall.
- Suhardjo Parto (2000). Seni bagi masa depan kita. *Idea: Jurnal Ilmiah Seni Pertunjukan*, 1.
- Syed Muhammad Naguib al-Attas (1997). Tinjauan ringkas peri ilmu dan pandangan alam. (Ucapan sempena Maal Hijrah 1997). Shah Alam: Institusi Teknologi MARA.
- U-Wei Haji Saari (2002, 24 Ogos). Menulis lakon layar filem untuk festival. *Gebang Seni*. Ipoh: Yayasan Perak

---

ROSINI JONIT, Associate Professor, is Deputy Dean (Academic) of the Faculty of Artistic and Creative Technology, Universiti Teknologi MARA, Malaysia. She teaches Introduction to Psychology and Sociology. Her areas of research interest are Traditional Performing Arts and Malay Cultural Heritage.